

10 SEP 2003

Mahathir-Surat/I

MEDIA BARAT MENGANCAM SAYA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa kesalnya dengan majalah Business Week yang mengancam untuk menulis laporan yang memburuk-burukan negara dan kepimpinannya.

Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan media barat itu sebagai sesuatu yang keji berkata: "Saya telah menerima sepucuk surat daripada Business Week yang mengancam saya. Mereka mahu temubual saya tetapi saya tidak mahu ditemubual oleh mereka."

Dr Mahathir berkata surat bertarikh 8 Sept itu mengugut untuk menulis mengenai semua perkara tidak baik mengenai kronisme, penindasan, pemerintahan kuku besi dan semua itu jika beliau tidak menemui mereka.

Dr Mahathir yang bercakap dalam nada yang jelas kecewa berkata: "Itulah media barat... . Mereka mengugut anda, mereka peras ugut anda, dan apabila anda enggan berbuat apa yang mereka mahu anda buat, maka mereka akan tulis perkara-perkara yang jahat."

"Yang jahat mengenai saya dan Malaysia tetap akan ditulis walaupun jika bersikap baik terhadap mereka," katanya selepas menghadiri majlis taklimat mengenai persiapan bagi Sidang Kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Konvensyen Putrajaya, di sini.

Surat itu juga meminta respons Dr Mahathir terhadap dakwaan "dasar Pensyarikatan Malaysia membawa keuntungan daripada kemurahan hati kerajaan dan membenarkan satu budaya rasuah dan sogokan berleluasa" semasa tempoh jawatan beliau sebagai Perdana Menteri.

Surat itu juga didakwa mempersoalkan "perbelanjaan besar-besaran bagi projek-projek awam yang menjadi lambang kemegahan dan program-program untuk mengharumkan nama Malaysia di luar negara."

Surat itu nampaknya telah ditulis dengan angkuh apabila Perdana Menteri diminta menghubungi biro majalah itu di Singapura sebelum tengah hari ini.

Pendedahan Dr Mahathir akan kandungan surat itu dibuat secara mengejut selepas beliau mengakhiri persidangan media dengan menjawab soalan mengenai kes baru SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk) di Singapura.

"Jadi itulah kebebasan akhbar -- untuk berbohong dan mencemarkan negara dan maruah orang lain," katanya.

Business Week diterbitkan di New York oleh The McGraw Hill Companies. Edisi Asia Business Week dilaporkan mempunyai edaran lebih 60,000 naskah.

-- BERNAMA

MAM PR